



**INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)**
www.ijepc.com



ISU PENGENALAN TULISAN JAWI DAN KHAT DI SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (SJK) DARI SUDUT PANDANG MAHASISWA

*THE ISSUE OF THE INTRODUCTION OF JAWI SCRIPT AND KHAT IN SEKOLAH
JENIS KEBANGSAAN (SJK) FROM UNDERGRADUATES' PERCEPTION*

Habibah @ Artini Ramlie^{1*}, Norshahrul Marzuki Mohd Nor^{2*}, Abang Mohd. Razif Abang Muis^{3*}, Irma Wani Othman⁴, Romzi Ationg⁵, Muhammad Safuan Yusoff⁶, Mohamad Basri Jamal⁷

¹ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah
Email: habibah_artini@ums.edu.my

² Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris
Email: norshahrul@fsk.upsi.edu.my

³ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah
Email: amrazif@ums.edu.my

⁴ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah
Email: irma@ums.edu.my

⁵ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah
Email: mratong@ums.edu.my

⁶ Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan, Universiti Malaysia Sabah
Email: safuan_y@yahoo.com

⁷ Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris
Email: basri.jamal@fsk.upsi.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 10.03.2021

Revised date: 15.04.2021

Accepted date: 15.05.2021

Published date: 31.05.2021

Abstrak:

Tulisan Jawi dan Khat adalah warisan Melayu serta tradisi bangsa yang mempunyai nilai seni yang tinggi. Ia telah digunakan selama berkurun lama sebagai medium perhubungan dalam urusan sehari-hari masyarakat di Nusantara khususnya di Tanah Melayu sebelum peranan tersebut diambil alih oleh tulisan Rumi. Usaha untuk menggilap kembali tulisan Jawi dan Khat dengan memperkenalkannya di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) telah mencetuskan isu dan pandangan dari pelbagai pihak. Justeru kajian ini bertujuan untuk meninjau persepsi mahasiswa terhadap isu tersebut. Kajian berbentuk tinjauan dan dilakukan dengan menggunakan kaedah soal selidik.

To cite this document:

Ramlie, H., Mohd Nor, N. M., Abang Muis, A. M. R., Othman, I. W., Ationg, R., Yusoff, M. S., & Jamal, M. B. (2021). Isu Pengenalan Tulisan Jawi dan Khat di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) dari Sudut Pandang Mahasiswa. International Journal of Education, Psychology and Counselling 6 (39), 235-255

DOI: 10.35631/IJEPC.6390016

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



Seramai 326 orang mahasiswa semester satu di Universiti Malaysia Sabah (UMS) dari pelbagai fakulti dan etnik telah menjawab soal selidik yang mengandungi 21 soalan berkaitan pelaksanaan Jawi dan Khat di SJK. Analisis dapatkan kajian secara deskriptif menunjukkan lapan item soal selidik yang mencapai persetujuan melebihi 80% membuktikan bahawa para mahasiswa melihat tulisan Jawi dan Khat itu sebagai satu unsur seni yang unik dan berdaya maju untuk memupuk perpaduan. Walaupun bercirikan sejarah dan identiti Islam serta Melayu, tulisan Jawi dan Khat sesuai diperkenalkan di sekolah kerana ia mempelbagaikan kemahiran serta pada masa yang sama membolehkan murid menghasilkan dan mempelbagaikan karya kreatif secara bertulis.

Kata Kunci:

Tulisan Jawi; Khat; Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK)

Abstract:

Jawi script and Khat are a Malay heritage and cultural tradition with high artistic value. For centuries both were used as mediums of communication in everyday life in Nusantara especially in the Malay Peninsula before this role was replaced by the Roman script. The effort to revive the Jawi script and Khat by introducing them in Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) has given rise to issues and opinions from various parties. This study, therefore, was aimed at exploring the perception of undergraduates on the issue. This study was in the form of a survey and utilised the questionnaire method. A total of 326 first semester undergraduates of Universiti Malaysia Sabah (UMS) drawn from various faculties and ethnic backgrounds responded to 21 questions in the questionnaire regarding the implementation of Jawi and Khat in Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK). Descriptive analysis of the findings showed eight questionnaire items generating 80% or more agreement which proved that the respondents viewed Jawi script and Khat as a unique artistic element capable of inculcating unity. Although both reflect Islamic and Malay history and identity, Jawi script and Khat are suitable to be introduced in schools since these develop various skills and at the same time enable students to produce and diversify creative works in written form.

Keywords:

Jawi Script; Khat; Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK)

Pengenalan

Sejak sebelum abad ke 14 Masihi, tulisan Melayu abjad Arab atau yang lebih dikenali dengan nama tulisan Jawi telah digunakan sebagai tulisan rasmi Melayu (Mohd. Alwee, 2005; Norhafiza, 2016). Sejarah tulisan Jawi ditulis oleh ramai pengkaji tempatan serta pengkaji antarabangsa dan antara nama besar yang banyak mengkaji tentang sejarah tersebut adalah Profesor Dr. Kang Kyong Seok, seorang sarjana dari Korea (Faisal@Ahmad Faisal & Faizuri, 2014). Menurut Kang Kyong Seok (1986) dalam Mohd. Alwee (2005), sejarah Melayu boleh dikatakan bermula dengan tulisan Jawi serentak dengan kemunculan kerajaan-kerajaan Islam silam seperti Kerajaan Islam Pasai sebelum disebarluaskan ke Kerajaan Melaka, Kerajaan Johor dan juga Aceh pada abad ke-17. Pada ketika itu, tulisan Jawi menggantikan tulisan Pallava dan Kawi, sistem tulisan dari bahasa Sanskrit yang merupakan antara tulisan terawal digunakan di Alam Melayu. Penemuan Batu Bersurat Terengganu dengan catatan

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions
tarikh tahun 702H/1303M menggunakan tulisan Jawi sepenuhnya membuktikan tulisan Jawi telah berusia hampir 700 tahun selari dengan perkembangan Islam dan berkembang selama kira-kira 200 tahun. Penemuan batu-batu nisan, tarsilah, duit syiling, surat perjanjian serta kitab-kitab yang menggunakan tulisan Jawi turut membuktikan kewujudan tulisan ini di Nusantara (Mohd. Alwee, 2005; Siti Badriyah & Exzayrani, 2015; Norhafiza, 2016).

Menelusuri masa, peranan dan fungsi tulisan Jawi semakin meluas apabila wujudnya teknologi alat percetakan kerana ia membolehkan para penerbit akhbar dan majalah serta penulis buku dan risalah Bahasa Melayu memanfaatkan teknologi tersebut. Selain digunakan secara menyeluruh untuk menghasilkan karya-karya sastera, kitab-kitab agama serta prasasti, tulisan Jawi turut digunakan dalam warta-warta kerajaan, perutusan-perutusan, surat-surat perjanjian dengan kuasa luar serta pemasyhuran rasmi kerajaan termasuklah teks 'Pemasyhuran Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu' pada 2 Ogos 1957. Ini membuktikan tulisan Jawi yang menggunakan abjad Arab berperanan besar sebagai wahana ilmiah, komunikasi, pentadbiran dan politik. Sehingga abad ke 20 Masihi juga, tidak kurang dari 10,000 naskhah manuskrip Jawi, merangkumi teks undang-undang tubuh kerajaan-kerajaan negeri telah dihasilkan; belum termasuk 200 naskhah Melayu di Sri Lanka, surat-surat pentadbiran Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu dan teks-teks Pentadbiran Inggeris di Sarawak. Selain itu, tulisan Jawi juga pernah dijadikan tulisan dan medium perantaraan utama di Semenanjung Tanah Melayu termasuk Singapura, Brunei Darussalam, Indonesia, Selatan Thai. Malah ia turut pernah digunakan di Sri Lanka (bagi rumpun Melayu) yang menerbitkan akhbar Melayu 'Alamat Langkapuri' sejak tahun 1869 dengan menggunakan tulisan Jawi; 7 tahun lebih awal dari terbitnya akhbar 'Jawi Peranakan' di Tanah Melayu (Amat Johari, 1991; Mohd. Alwee, 2005; Siti Badriyah & Exzayrani, 2015). Penggunaan tulisan Jawi berterusan di Tanah Melayu hingga berlaku penggubalan Akta Bahasa Kebangsaan pada tahun 1963 yang membawa kepada kemerosotan penggunaan tulisan tersebut.

Tinjauan Literatur

Seiring dengan perkembangan dunia pendidikan, ketika masyarakat Melayu diperkenalkan dengan sistem persekolahan Barat, pendidikan Jawi masih diteruskan kerana tulisan Jawi berperanan sebagai tulisan rasmi Bahasa Melayu tanpa diganggu gugat oleh tulisan lain. Namun fungsi tulisan Jawi mula berkurangan apabila sekolah-sekolah Melayu dihapuskan selepas Perang Dunia Kedua dan diganti dengan sekolah umum yang seterusnya dikenali sebagai Sekolah Kebangsaan (SK) (Aziah, 2000). Selepas Akta Bahasa Kebangsaan diwartakan pada tahun 1963, kemerosotan tulisan Jawi kian meruncing (Faisal@Ahmad Faisal & Faizuri, 2014) kerana dalam Seksyen 9 (Tulisan bagi bahasa kebangsaan) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 dalam Undang-Undang Malaysia Cetakan Semula (2006) dinyatakan bahawa:

Tulisan bagi bahasa kebangsaan ialah tulisan Rumi: dengan syarat bahawa ini tidak melarang penggunaan tulisan Melayu, yang dikenali dengan nama tulisan Jawi, bagi bahasa kebangsaan.

Keputusan ini mendatangkan impak yang besar terhadap penggunaan tulisan Jawi dalam urusan pentadbiran kerajaan, media penerbitan mahupun institusi pendidikan (Faisal@Ahmad Faisal & Faizuri, 2014) apabila penggunaan tulisan Jawi digantikan dengan

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions
tulisan Rumi. Bagaimanapun, tulisan Jawi kembali mendapat perhatian apabila pelajaran Jawi mula diajar di sekolah rendah dan sekolah menengah dengan menggunakan sistem ejaan berdasarkan Pedoman Ejaan Jawi Yang Disempurnakan (PEJYD) oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1992). Dalam perancangan awal Kurikulum Baru Sekolah Rendah 1982, pelajaran Jawi adalah sebahagian dari mata pelajaran Bahasa Melayu. Namun ia tidak dilaksanakan kerana tulisan Jawi diserap dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Mata pelajaran Pendidikan Islam mempunyai peruntukan masa sebanyak 180 minit seminggu (Aziah, 2000) dan masa tambahan sebanyak 30 minit dalam mata pelajaran Pendidikan Islam tersebut dikhaskan untuk pengajaran dan pembelajaran tulisan Jawi (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/1994). Penggunaan tulisan Jawi terus dikekalkan dalam kurikulum pendidikan semasa dan dikukuhkan dengan pengenalan Program j-Qaf melalui penekanan khusus kepada pengajaran Jawi, al-Quran, Bahasa Arab dan Fardu ‘Ain bermula tahun 2005 (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 13/2004). Idea untuk mengembalikan kegemilangan tulisan Jawi dan Khat disebarluaskan ke Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) dengan usaha untuk memperkenalkan tulisan Jawi dan Khat dalam mata pelajaran Bahasa Melayu Tahun 4 bermula tahun lepas.

Namun begitu, beberapa isu telah timbul apabila inisiatif ini cuba untuk dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di SJK. Banyak pihak mengutarakan pandangan yang membawa kepada tercetusnya babit-babit masalah perkauman. Tidak kurang juga pandangan berbaur politik serta dakwaan menyatakan tulisan Jawi diperkenalkan dengan tujuan untuk ‘mengislamkan’ masyarakat bukan Melayu serta tidak sesuai diperkenalkan di SJK atas pelbagai alasan. Mendepani isu berkaitan pengenalan tulisan Jawi dan Khat di SJK ini, pandangan pelajar yang berstatus mahasiswa tidak seharusnya dikesampingkan. Hal ini kerana golongan ini merupakan generasi intelektual pelapis yang akan meneruskan legasi kepimpinan di masa hadapan (Abdullah & Wan Khairul Aiman, 2018). Kajian lepas yang dijalankan ke atas segolongan mahasiswa oleh Noraziah dan Noor Azam (2019) menunjukkan majoriti mahasiswa berpendapat bahawa mata pelajaran Jawi perlu ditawarkan pada semua peringkat pembelajaran seperti sekolah rendah, menengah serta pengajian tinggi termasuk peringkat pra sekolah agar pembelajaran Jawi lebih komprehensif. Kajian yang dijalankan oleh Nur Azuki dan Nik Yusri (2012) juga mendapati para mahasiswa memperakui dengan semangat bahawa tulisan Jawi masih amat penting dengan alasan antaranya ia adalah warisan ilmu yang menyumbang kepada budaya beragama. Sementara kajian oleh Siti Badriyah dan Exzayrani (2015) menunjukkan tulisan Jawi mempunyai nilai sentimental selain dari nilai budaya dan agama kepada golongan mahasiswa. Kajian-kajian ini menunjukkan mahasiswa mempunyai persepsi positif terhadap inisiatif yang dicadangkan untuk memperkenalkan tulisan Jawi di pelbagai peringkat pendidikan di Malaysia.

Permasalahan Kajian

Mantan Timbalan Menteri Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Teo Nie Ching mengumumkan penggunaan tulisan Jawi dalam buku teks di semua SJK membabitkan pelaksanaan seni Khat ke dalam buku teks murid Tahun 4 bermula tahun 2020. Pelaksanaannya akan mengambil kira pendekatan serta penyampaian yang lebih mudah difahami dan tidak membebankan murid serta guru kerana perancangan memperkenalkan tulisan Jawi dalam kurikulum sekolah sebenarnya sudah dimulakan sejak 2014 (Mohd Anwar, 2019). Justeru usaha kerajaan untuk menggiatkan semula tulisan Jawi dengan

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions
memperkenalkan tulisan Jawi dan Khat di SJK seharusnya dilihat sebagai sesuatu yang positif dan mampu meningkatkan daya saing di kalangan murid (Janatul Firdaus, 2019). Hal ini kerana hasrat melaksanakan pengajaran tulisan Jawi dan Khat adalah suatu usaha memperkasa dan menanamkan kecintaan terhadap tulisan Jawi dan Khat itu sendiri.

Sehubungan itu, dalam rangka implementasi Jawi dan Khat di SJK, KPM pada peringkat awal bercadang untuk memperkenalkan tulisan Jawi dalam buku teks Bahasa Melayu Tahun 4 sebanyak enam muka surat. Namun polemik timbul apabila pertubuhan pendesak Cina, Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina (Dong Zong) menzahirkan rasa tidak puas hati dengan cadangan pembelajaran tulisan Jawi yang bakal dilaksanakan (Janatul Firdaus, 2019). Dong Zong adalah komponen pertubuhan Dong Jiao Zong yang terdiri dari Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah-Sekolah Cina (Dong Zong) serta Gabungan Persatuan-persatuan Guru-Guru Sekolah Cina (Jiao Zong) (Chew, 2013; Tan, 2014). Kedua-dua pertubuhan merupakan peneraju dalam pendidikan Cina yang dikenali sebagai Dong Jiao Zong dan hubungan mereka telah dikenalpasti sehingga hari ini sejak penubuhan Dong Zong pada 22 Ogos 1954 (Dong Zong United Chinese School Committees' Association of Malaysia, 2021a). Kedua-dua buah pertubuhan Cina ini secara rasmi telah terlibat dalam perjuangan mempertahankan pendidikan Cina sejak tahun 50-an (Ang, 2014; Tan, 2014) dengan matlamat membela penerusan pendidikan Cina di Malaysia (Chew, 2013). Penubuhan Dong Jiao Zong dikatakan tercetus akibat pelaksanaan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang mendukung ‘matlamat akhir’ Laporan Barnes kerana menghalau kepada pembentukan sistem pendidikan satu aliran yang menjadikan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar (Ang, 2014). Keberkesanan Dong Jiao Zong ditinjau dari segi perjuangannya sebagai sebuah organisasi bukan kerajaan (NGO) atas matlamat yang ingin dicapai selain impak perjuangannya dari aspek pendidikan, politik dan sosial di negara kita (Chew, 2013).

Selain Jiao Zong, turut menyokong Dong Zong adalah tujuh pertubuhan lain iaitu Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia (Hua Zong), Merdeka University Bhd, Pusat Pembangunan Kebudayaan LLG, Persekutuan Persatuan-persatuan Alumni Sekolah China Malaysia dan Gabungan Persatuan Alumni Universiti Taiwan Malaysia, Majlis Bahasa Cina Malaysia dan Persatuan Bekas Siswa Universiti dan Kolej Di China, Malaysia yang digambarkan sebagai kerjasama antara Dong Jiao Zong dengan rakan sekutu, termasuk parti-parti politik dan ‘Huatusan’ (Persatuan-persatuan Cina) (Chew, 2013 & Janatul Firdaus, 2019). Dong Zong berusaha gigih untuk menentang dasar pendidikan satu aliran sekolah demi mempertahankan pendidikan bahasa ibunda di samping menuntut keadilan serta kesaksamaan status dan kedudukan antara semua kaum atau etnik (Dong Zong United Chinese School Committees' Association of Malaysia, 2021a).

Setelah cadangan pengenalan tulisan Jawi sebanyak enam muka surat dibantah oleh Dong Zong, ia dikurangkan kepada tiga muka surat dan bakal dilaksanakan ‘secara pilihan’. Bantahan berterusan menyebabkan KPM akhirnya memutuskan pengajaran tulisan Jawi dan Khat tertakluk kepada budi bicara serta persetujuan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) di sekolah-sekolah vernakular tersebut. Penentangan bagaimanapun terus timbul kerana Dong Zong berpendapat keputusan tersebut bakal menimbulkan pelbagai masalah bahkan tidak akan dapat dilakukan dengan sempurna. Hal ini kerana kebanyakan SJK Cina di Sabah dan Sarawak tidak menubuhkan PIBG. Dong Zong sebaliknya berpendapat adalah lebih wajar

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions
jika keputusan berhubung pengenalan tulisan Jawi diserahkan kepada Lembaga Pengurusan Sekolah (LPS) di SJK memandangkan badan itu merangkumi persatuan alumni serta wakil PIBG. Pada masa yang sama, pertubuhan tersebut menegaskan bahawa matlamat mata pelajaran bahasa Melayu di SJK adalah meningkatkan tahap penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid. Justeru Dong Zong tidak bersetuju murid di SJK mempelajari tulisan Jawi kerana ia disifatkan tidak menyumbang kepada peningkatan penguasaan bahasa kebangsaan itu (Janatul Firdaus, 2019).

Dong Zong juga menganggap keputusan menolak dasar baharu tersebut tidak melanggar undang-undang atau menggambarkan mereka tidak patriotik kerana Perlembagaan menetapkan tulisan rasmi negara adalah tulisan Rumi tanpa larangan penggunaan tulisan Jawi. Oleh itu, Dong Zong menyeru pihak tidak bertanggungjawab berhenti menuduh dan memfitnah pertubuhan mereka sebagai tidak patriotik atau tidak setia kepada negara dalam soal pembelajaran tulisan Jawi dan Khat. Pertubuhan tersebut sebaliknya mendakwa mereka menyokong usaha KPM dalam meningkatkan penguasaan bahasa kebangsaan bagi murid di SJK. Pertubuhan terbabit seterusnya meminta KPM menangguhkan pengenalan tulisan Jawi dan Khat bagi murid di SJK sehingga keputusan muktamad diperoleh dengan mengambil langkah ‘berwaspada terhadap keputusan KPM’ kerana masih banyak perkara perlu diperjelaskan. Dong Zong turut meminta KPM mengumumkan kandungan DSKP dan buku teks mata pelajaran Bahasa Melayu yang dipinda supaya orang ramai mengetahui kaedah implementasi pengenalan tulisan Jawi dan Khat yang dilaksanakan kelak. Hal ini kerana usaha mengukuhkan penguasaan Bahasa Melayu bagi murid SJK dakwa pertubuhan tersebut sebenarnya perlu merujuk buku teks Bahasa Malaysia SJK Tahun 5 dan memadai dengan memperkenalkan tulisan Khat untuk menambah keseronokan aktiviti pembelajaran seperti yang terkandung dalam buku teks Bahasa Melayu Tahun 5 (Janatul Firdaus, 2019 & Mohd Anwar, 2019).

Selain itu, pengenalan pelajaran tulisan Jawi dan Khat untuk murid Tahun 4 di SJK juga dibimbangi hanya akan mengurangkan lagi masa pembelajaran Bahasa Melayu yang diperuntukkan ketika ini. Jadi adalah ‘lebih wajar’ KPM memfokuskan usaha meningkatkan penguasaan Bahasa Melayu berbanding memperkenalkan pelajaran tulisan Jawi dan Khat. Pihak KPM menurut pertubuhan tersebut juga seharusnya ‘terlebih dahulu berunding dan mendapat persetujuan’ pihak berkepentingan terutamanya Dong Zong serta pertubuhan pendidikan Tamil sebelum sebarang keputusan dibuat dengan alasan untuk mengikis kebimbangan dan keraguan masyarakat, memastikan identiti dan ciri-ciri SJK tidak terjejas di samping menentukan jalan penyelesaian untuk mengikis kebimbangan masyarakat bukan Islam (Janatul Firdaus, 2019 & Mohd Anwar, 2019). Ringkasnya, Dong Zong menyifatkan KPM bertindak berlawanan dengan kenyataannya dan tidak menepati isi kandungan perbincangan dalam dialog bersama Dong Zong, KPM melaksanakan lagkah bertentangan dengan Keputusan Jemaah Menteri dengan menjadikan PIBG sebagai alat pelaksana serta KPM mengabaikan peranan LPS (Dong Zong United Chinese School Committees’ Association of Malaysia, 2021b).

Hujah-hujah pertubuhan Dong Zong ini dilihat oleh Mantan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai sesuatu yang bersifat rasis kerana Dong Zong menurut beliau tidak pernah bersetuju dengan dasar pendidikan negara termasuklah dalam isu pembinaan Sekolah Wawasan sebelum ini. Sikap sama Dong Zong dapat dilihat apabila pertubuhan itu

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions
membantah pembelajaran Jawi dan Khat di SJK sedangkan keputusan itu dibuat sejak tahun 2012. Dong Zong pada ketika itu menurut Tun Dr Mahathir tidak membangkitkan sebarang isu kerana bimbang diambil tindakan, dan hanya menyuarakannya apabila dasar itu muh dilaksanakan sekarang. Berhubung tindakan Dong Zong yang bercadang melaksanakan petisyen membantah pembelajaran Jawi dan Khat kerana menganggap ia sebagai langkah Islamisasi ke atas masyarakat bukan Melayu di negara ini (Luqman Arif, 2019), Tun Dr Mahathir menegaskan ia sangat tidak wajar kerana sebelum negara mencapai kemerdekaan, adalah sukar bagi penduduk bukan Melayu belajar dalam tulisan Jawi, menyebabkan tulisan Rumi diperkenalkan untuk memudahkan mereka (M Hizfuddin & Hamzah, 2019). Cadangan mengadakan petisyen tersebut juga bertentangan dengan sikap sebelum ini di mana sebanyak 12 pertubuhan pendidikan Cina dan Tamil telah bersetuju secara konsensus dengan keputusan KPM memperkenalkan tulisan Jawi dan Khat dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di SJK mulai tahun 2020. Bagaimanapun, persetujuan itu hanyalah pada tulisan seni Khat sahaja dan bukannya pembelajaran tulisan Jawi. Pertubuhan berkenaan juga bersetuju bahawa murid yang mempelajari Khat itu nanti tidak akan diuji dalam peperiksaan dan mereka komited dengan saranan mantan Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik untuk menambah baik DSKP (Noor Atiqah, 2019).

Tindakan Dong Zong yang terus membantah pengajaran tulisan Jawi dan Khat telah disifatkan sebagai melampau dan antinasional oleh Prof Datuk Dr Teo Kok Seong selaku Felo Utama Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia. Keputusan kerajaan yang bertolak ansur dalam pengajaran tulisan Jawi sehingga cuma menjadi tiga muka surat dari enam muka surat dengan status pilihan menurut beliau adalah cukup adil. Ini kerana jika sebelum itu pelaksanaannya adalah wajib, tetapi selepas dibantah, ia cuma menjadi tiga muka surat hingga status wajib seterusnya menjadi pilihan; isu itu menurut beliau sepatutnya telah selesai. Pihak yang bermati-matian membantah dan tidak muh menerima, menurut beliau bukan lagi cauvanis, tetapi antinasional kerana secara tidak langsung mereka turut menentang kepentingan negara iaitu Bahasa Melayu (Idris, 2019). Pandangan beliau ini adalah ekoran sikap Dong Zong yang terus berkeras dengan merancang untuk membawa isu itu ke mahkamah sedangkan bantahan pertubuhan terbabit tidak selari dengan peruntukan dalam Perkara 152, Perlembagaan Malaysia serta mengikut Akta Bahasa Kebangsaan 1963 (Pindaan 1967) yang menyatakan penggunaan tulisan Jawi tidak boleh dilarang (Idris, 2019). Tokoh tersebut sebaliknya berpendapat mendedahkan tulisan Jawi dan Khat kepada murid berbangsa Cina di SJK sekurang-kurangnya memberi peluang kepada murid untuk mengenali tulisan itu, malah mempelajarinya tidak pun mengislamkan mereka (Idris, 2019). Hal ini dibuktikan dengan kesungguhan Profesor Dr. Kang Kyung Seok, sarjana Korea yang mempelajari Bahasa Melayu sehingga menjadi pakar dalam bidang tulisan Jawi dan menghasilkan banyak karya mengenainya kerana berminat dengan tulisan tersebut. Keadaan ini menunjukkan bahawa tulisan Jawi bukan hanya dipelajari oleh Melayu tetapi turut diminati oleh bangsa lain (Faisal@Ahmad Faisal & Faizuri, 2014).

Penyelesaian berhubung isu ini adalah Jemaah Menteri mengekalkan keputusan meneruskan pembelajaran tulisan Jawi dalam mata pelajaran Bahasa Melayu kepada murid Tahun 4 di SJK mulai 2020 menerusi kenyataan media yang dipaparkan dalam portal rasmi KPM pada 14 Ogos 2019. Namun ia perlu mendapat persetujuan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) serta pihak ibu bapa manakala Sekolah Kebangsaan (SK) meneruskannya seperti biasa. Jemaah Menteri juga mengekalkan keputusan pengenalan tulisan Jawi hanya dimuatkan

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions sebanyak tiga muka surat di dalam buku teks dan keputusan agar pengenalan tulisan Jawi tidak dinilai dalam apa-apa ujian atau peperiksaan juga secara sepakat dikekalkan. Oleh itu, dalam DSKP Bahasa Melayu Tahun 4 bermula tahun 2020, komponen 4.0 Aspek Seni Bahasa pada Standard Kandungan 4.4 adalah ‘Mengenal dan menghayati tulisan jawi sebagai seni warisan bangsa’. Manakala Standard Pembelajaran bagi Standard Kandungan 4.0 tersebut adalah Standard Pembelajaran 4.4.1 iaitu ‘Mengenal tulisan jawi yang terdapat dalam sesuatu objek kehidupan harian. (duit kertas, setem, jata dan lain-lain)’ serta Standard Pembelajaran 4.4.2 iaitu ‘Mempamerkan tulisan jawi melalui perkataan yang terdapat dalam sesuatu objek kehidupan harian. (duit kertas, setem, jata dan lain-lain)’. Standard Pembelajaran dan Standard Kandungan ini disusuli dengan catatan ‘Aspek seni bahasa dilaksanakan untuk menyokong kemahiran bahasa. Walau bagaimanapun aspek seni bahasa tidak ditaksir’ serta ‘Pelaksanaan tulisan jawi di SJK dilaksanakan secara pilihan dengan persetujuan daripada Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) serta ibu bapa dan murid’ (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2018a:39).

Manakala dalam DSKP Bahasa Melayu Tahun 5 yang dikemaskini pada 21 Feb 2020 dalam laman web KPM dan dilaksanakan bermula tahun ini, komponen 4.0 Aspek Seni Bahasa pada Standard Kandungan 4.4 iaitu ‘Mengenal dan menghayati tulisan jawi sebagai seni warisan bangsa’ masih dikekalkan dengan Standard Pembelajaran 4.4.1 iaitu ‘Mengenal tulisan jawi yang terdapat dalam sesuatu objek kehidupan harian (tugu negara, label halal, papan tanda jalan dan lain-lain)’ serta Standard Pembelajaran 4.4.2 iaitu ‘Mempamerkan tulisan jawi melalui perkataan yang terdapat dalam sesuatu objek kehidupan harian (tugu negara, label halal, papan tanda jalan dan lain-lain)’. Namun bahagian catatan telah dikemaskini iaitu ‘Aspek seni bahasa dilaksanakan untuk menyokong kemahiran bahasa. Walau bagaimanapun aspek seni bahasa tidak ditaksir’ serta ‘Persetujuan pelaksanaan tulisan jawi di SJK adalah berdasarkan Surat Siaran dan Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.’ (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2018b:38). Mesyuarat Jemaah Menteri turut menetapkan tulisan Jawi dikekalkan dengan nama ‘pengenalan tulisan Jawi’ dan bukannya Khat serta hanya diperkenalkan pada peringkat asas secara pilihan kepada murid Tahun 4 mulai tahun 2020, murid Tahun 5 pada tahun 2021 dan murid Tahun 6 pada tahun 2022 di SJK secara pilihan. Pengenalan tulisan Jawi juga hanya dilaksanakan jika dipersetujui oleh Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), ibu bapa serta murid di SJK. Bagi SJK yang tidak mempunyai PIBG, pelaksanaannya perlu mendapat persetujuan Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) dan pengenalan tulisan Jawi tidak dinilai dalam apa-apa ujian atau peperiksaan (Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bil. 16/2019).

Menerusi keputusan tersebut, KPM berharap pengenalan tulisan Jawi di SJK tidak lagi menjadi isu dan dibangkitkan dengan cara tidak tepat hingga menimbulkan kekeliruan ramai (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Dong Zong seharusnya menghormati toleransi KPM dalam isu ini kerana Bahasa Cina dan Bahasa Tamil juga dipelajari di sekolah-sekolah kebangsaan sebagai bahasa tambahan sejak tahun 2003 dengan matlamat untuk memupuk perpaduan kaum di kalangan murid (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/2002, Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9/2006) tanpa sebarang rasa prejudis. Namun kegagalan usaha Dong Zong mengadakan perhimpunan membantah tulisan Jawi dan Khat pada 28 Disember 2019 tidak akan sesekali mematahkan semangat mereka untuk terus memainkan isu ini atas alasan perjuangan mereka tidak menyalahi perlembagaan. Hal ini diakui oleh Chew (2013) yang menegaskan bahawa gerakan pendidikan Cina tidak pernah berhenti, malah akan terus

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions dicetuskan dengan pelbagai tuntutan dan gerakan baru sepanjang zaman yang tidak pernah padam sehingga kini. Mereka adalah kumpulan pendesak yang cukup tegas dalam usaha mempertahankan ‘hak asasi orang Cina’ untuk membangunkan sistem pendidikan bahasa ibunda kerana didorong oleh hasrat mengembangkan bahasa dan budaya Cina hasil kesinambungan keagungan tamadun Cina selama lebih lima ribu tahun (Tan, 2014). Timbul tanda tanya dalam hal ini apabila Dong Zong dilihat seakan-akan mengambil dasar bertentangan dengan objektif penubuhan Dong Zong itu sendiri iaitu ‘memupuk kaharmonian dan perpaduan antara kaum’ (Dong Zong United Chinese School Committees’ Association of Malaysia, 2021b).

Signifikan Kajian

Kajian tinjauan ini dijalankan ke atas mahasiswa semester satu yang mengambil kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) di Universiti Malaysia Sabah (UMS) ketika kursus ini masih ditawarkan pada sesi 2019/2020. Objektif kajian adalah untuk meninjau persepsi mahasiswa terhadap isu yang diutarakan dalam permasalahan kajian. Justifikasi pemilihan sampel adalah kerana isu ini berkaitrapat dengan topik terakhir yang diajar dalam kursus tersebut iaitu ‘Isu-isu Semasa Ketamadunan.’ Penawaran kursus TITAS sebelum ini adalah selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang memfokuskan perkembangan potensi seseorang individu secara holistik demi mewujudkan insan yang seimbang serta harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berasaskan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan (Faridah, Khairul Hamimah Zawiah & Fakhru Adabi, 2018). Topik ‘Isu-isu Ketamadunan’ dalam kursus TITAS digariskan dengan beberapa subtopik utama seperti Dialog Peradaban, Hegemoni Barat, Konsep Jihad dalam Islam dan Isu-isu Semasa. Melalui kursus TITAS, nilai-nilai toleransi serta konsep persefahaman yang ditekankan membantu usaha untuk membentuk keharmonian agama di kalangan mahasiswa (Syamsul Azizul, Suraya, Habibah Artini & Mohd Nur Hidayat, 2019). Hal ini bertepatan dengan keperluan para mahasiswa untuk meraikan titik persamaan dan mengharmonikan titik perbezaan dalam pembangunan ‘tamadun Malaysia’ yang terdiri pelbagai agama dan etnik; khususnya dalam isu-isu semasa yang berbangkit seperti isu pelaksanaan tulisan Jawi dan Khat. Kursus TITAS sendiri ditawarkan sebagai kursus wajib kepada semua mahasiswa tanpa mengira etnik dengan tujuan agar sikap toleransi, saling memahami, hormat menghormati dan hidup berharmoni dapat disemai serta dipupuk antara kaum, budaya, agama dan kepercayaan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum (Syamsul Azizul *et al.*, 2019). Namun kini, kursus TITAS telah ditiadakan di Universiti Malaysia Sabah bermula sesi 2020/2021 kerana digantikan dengan kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS).

Metodologi Kajian

Kajian dilaksanakan dengan menggunakan borang soal selidik. Seramai 326 orang mahasiswa semester satu dari pelbagai fakulti dan etnik telah menjawab soal selidik yang mengandungi 21 soalan berkaitan isu pelaksanaan Jawi dan Khat di SJK. Soal selidik kajian yang dibangunkan mempunyai 5 konstruk utama iaitu ‘Sejarah tulisan Jawi’ (item 1 hingga 3), ‘Tulisan Jawi dan Khat satu cabang seni dan warisan budaya,’ (item 4 hingga 8), ‘Pelaksanaan tulisan Jawi dan Khat di sekolah,’ (item 9 hingga 15), ‘Nilai komersial tulisan Khat dan Jawi’ (item 16) dan ‘Isu-isu berbangkit berkaitan tulisan Jawi dan Khat’ (item 17 hingga 21).

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions
Perbincangan Dapatan Kajian

Jadual 1 menunjukkan analisis item soal selidik yang diperolehi daripada responden.

Jadual 1: Analisis Item Soalselidik

| Skala | Sangat Tidak Setuju | | Tidak Setuju | | Kurang Setuju | | Setuju | | Sangat Setuju | | Jumlah | % | |
|---|---------------------|-----|--------------|-----|---------------|-----|--------|-----|---------------|-----|--------|-----|-----|
| | Item | Jum | % | Jum | % | Jum | % | Jum | % | Jum | % | | |
| 1. Tulisan Jawi dan Khat sinonim dengan bangsa | 7 | 2.1 | 19 | 5.8 | 62 | 19. | 40. | 132 | 40. | 106 | 32. | 326 | 100 |
| | | 5 | | 3 | | 0 | | 5 | | 5 | | | |
| 2. Tulisan Jawi dan Khat sinonim dengan agama Islam. | 7 | 2.1 | 12 | 3.6 | 38 | 11. | 46. | 151 | 46. | 118 | 36. | 326 | 100 |
| | 5 | | 8 | | 7 | | 3 | | 2 | | | | |
| 3. Sejarah pertapakan agama Islam di Tanah Melayu terbukti dengan penemuan tulisan Jawi dan Khat pada artifak serta manuskrip lama. | 3 | 0.9 | 3 | 0.9 | 21 | 6.4 | 63. | 208 | 63. | 91 | 27. | 326 | 100 |
| | 2 | | 2 | | 4 | | 8 | | 9 | | | | |
| 4. Tulisan Jawi dan Khat adalah salah satu cabang seni. | 0 | 0.0 | 4 | 1.2 | 18 | 5.5 | 45. | 149 | 45. | 155 | 47. | 326 | 100 |
| | 0 | | 3 | | 2 | | 7 | | 7 | | 6 | | |
| 5. Tulisan Jawi dan Khat memiliki keunikan tersendiri. | 1 | 0.3 | 0 | 0.0 | 9 | 2.7 | 40. | 133 | 40. | 183 | 56. | 326 | 100 |
| | 1 | | 0 | | 6 | | 8 | | 8 | | 1 | | |

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions

| | | | | | | | | | | | | |
|--|----|-----|----|-----|-----|-----|-----|-----|-----|-----|-----|-----|
| 6. Tulisan Jawi dan Khat boleh dipelajari secara sendiri. | 5 | 1.5 | 42 | 12. | 135 | 41. | 111 | 34. | 33 | 10. | 326 | 100 |
| | | | 3 | | 9 | | 4 | | 1 | | 1 | |
| 7. Tulisan Jawi dan Khat merupakan seni warisan bangsa dan identiti Malaysia, bukannya bangsa Melayu sahaja. | 6 | 1.8 | 17 | 5.2 | 74 | 22. | 143 | 43. | 86 | 26. | 326 | 100 |
| | | 4 | | 1 | | 7 | | 9 | | 4 | | |
| 8. Masyarakat Malaysia harus terbuka untuk menerima seni budaya kaum lain sebagai salah satu langkah | 0 | 0.0 | 2 | 0.6 | 8 | 2.4 | 129 | 39. | 187 | 57. | 326 | 100 |
| | | 0 | | 1 | | 5 | | 6 | | 4 | | |
| 9. Tulisan Jawi dan Khat sesuai diperkenalkan di sekolah. | 8 | 2.4 | 12 | 3.6 | 37 | 11. | 159 | 48. | 110 | 33. | 326 | 100 |
| | | 5 | | 8 | | 4 | | 8 | | 7 | | |
| 10. Tulisan Jawi dan Khat perlu dipelajari oleh semua | 31 | 9.5 | 32 | 9.8 | 100 | 30. | 96 | 29. | 67 | 20. | 326 | 100 |
| | | 1 | | 2 | | 7 | | 5 | | 6 | | |
| 11. Tulisan Jawi dan Khat perlu dimasukkan dalam kandungan mata pelajaran Bahasa | 26 | 7.9 | 42 | 12. | 127 | 39. | 90 | 27. | 41 | 12. | 326 | 100 |
| | | 8 | | 9 | | 0 | | 6 | | 6 | | |

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions

| | | | | | | | | | | | | |
|---|-----|----------|----|----------|-----|----------|-----|----------|----|----------|-----|-----|
| 12.Tulisan Jawi dan Khat perlu dimasukkan dalam kandungan mata pelajaran Pendidikan Seni Visual. | 18 | 5.5 | 15 | 4.6 | 67 | 20. | 157 | 48. | 69 | 21. | 326 | 100 |
| | | | 2 | | 0 | | 6 | | 2 | | 2 | |
| 13. Pengenalan tulisan Jawi dan Khat menambah beban murid. | 48 | 14. 7 | 54 | 16. 6 | 121 | 37. 1 | 77 | 23. 6 | 26 | 7.9 8 | 326 | 100 |
| 14.Tulisan Jawi dan Khat mempelbagai penghasilan karya kreatif secara bertulis di kalangan murid. | 6 | 1.8 4 | 8 | 2.4 5 | 35 | 10. 7 | 192 | 58. 9 | 85 | 26. 1 | 326 | 100 |
| 15.Tulisan Jawi dan Khat mempelbagai kemahiran | 3 | 0.9 2 | 12 | 3.6 8 | 43 | 13. 2 | 176 | 54. 0 | 92 | 28. 2 | 326 | 100 |
| 16.Penguasaan tulisan Jawi dan Khat boleh menjana sumber pendapatan. | 9 | 2.7 6 | 13 | 3.9 9 | 76 | 23. 3 | 155 | 47. 6 | 73 | 22. 4 | 326 | 100 |
| 17.Belajar tulisan Jawi dan Khat bererti menukar identiti kepada bangsa | 144 | 44. 2 | 72 | 22. 1 | 75 | 23. 1 | 26 | 7.9 8 | 9 | 2.7 6 | 326 | 100 |

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions

| | | | | | | | | | | | | |
|---|-----|-----|----|-----|-----|-----|-----|-----|----|-----|-----|-----|
| 18.Belajar tulisan Jawi dan Khat bererti menukar pegangan kepada agama Islam. | 184 | 56. | 69 | 21. | 44 | 13. | 22 | 6.7 | 7 | 2.1 | 326 | 100 |
| | | | 4 | | 2 | | 5 | | 5 | | 5 | |
| 19.Belajar tulisan Jawi dan Khat akan menggugat keharmonian antara kaum | 152 | 46. | 83 | 25. | 54 | 16. | 30 | 9.2 | 7 | 2.1 | 326 | 100 |
| | | 7 | | 5 | | 6 | | 0 | | 5 | | |
| 20.Penentangan terhadap pelaksanaan tulisan Jawi dan Khat mencabar ketuanan Melayu di Malaysia. | 38 | 11. | 64 | 19. | 118 | 36. | 85 | 26. | 21 | 6.4 | 326 | 100 |
| | | 7 | | 6 | | 2 | | 1 | | 4 | | |
| 21.Penentangan terhadap pelaksanaan tulisan Jawi dan Khat dipengaruhi oleh sentimen perkauman. | 23 | 7.0 | 25 | 7.6 | 78 | 24. | 141 | 43. | 59 | 18. | 326 | 100 |
| | | 6 | | 7 | | 0 | | 3 | | 1 | | |

Konstruk pertama dalam soal selidik adalah ‘Sejarah tulisan Jawi’. Untuk item pertama dalam konstruk berkenaan iaitu ‘Tulisan Jawi dan Khat sinonim dengan bangsa Melayu’, seramai 7 orang mahasiswa (2.15%) sangat tidak setuju, 19 orang (5.83%) tidak setuju, 62 orang (19.0%) kurang setuju, 132 orang (40.49%) setuju dan seramai 106 orang (32.52%) sangat setuju. Untuk item kedua iaitu ‘Tulisan Jawi dan Khat sinonim dengan agama Islam’, seramai 7 orang mahasiswa (2.15%) sangat tidak setuju, 12 orang (3.68%) tidak setuju, 38 orang (11.66%) kurang setuju, 151 orang (46.32%) setuju dan 118 orang (36.20%) sangat setuju. Untuk item ketiga iaitu ‘Sejarah pertapakan agama Islam di Tanah Melayu terbukti dengan penemuan tulisan Jawi dan Khat pada artifak serta manuskrip lama’, 3 orang mahasiswa (0.92%) sangat tidak setuju, 3 orang (0.92%) tidak setuju, 21 orang (6.44%) kurang setuju, 208 orang (63.80%) setuju manakala 91 orang (27.91%) sangat setuju.

Konstruk kedua adalah ‘Tulisan Jawi dan Khat satu cabang seni dan warisan budaya’ yang mempunyai lima item. Untuk item ‘Tulisan Jawi dan Khat adalah salah satu cabang seni, tiada mahasiswa yang sangat tidak bersetuju dengan pernyataan ini melainkan seramai 4 orang (1.23%) tidak setuju, 18 orang (5.52%) kurang setuju, 149 orang (45.71%) setuju dan seramai 155 orang (47.55%) sangat setuju. Tulisan Jawi dan Khat juga memiliki keunikan tersendiri dan pernyataan ini sangat dipersejui oleh seramai 183 orang mahasiswa (56.13%), dipersejui oleh 133 orang (40.80%) berbanding 9 orang (2.76%) yang kurang setuju dan seorang (0.31%) yang sangat tidak setuju. Seramai 5 orang mahasiswa (1.53%) sangat tidak setuju bahawa ‘Tulisan Jawi dan Khat boleh dipelajari secara sendiri’, 42 orang (12.88%) tidak setuju, 135 orang (41.41%) kurang setuju manakala 111 orang (34.05%) setuju dan 33 orang (10.12%) sangat setuju. Untuk item ‘Tulisan Jawi dan Khat merupakan seni warisan bangsa dan identiti Malaysia, bukannya bangsa Melayu sahaja’, seramai 6 orang mahasiswa (1.84%) sangat tidak setuju, 17 orang (5.21%) tidak setuju, 74 orang (22.70%) kurang setuju, 143 orang setuju (43.87%) dan seramai 86 orang (26.38%) sangat setuju. Bagi item ‘Masyarakat Malaysia harus terbuka untuk menerima seni budaya kaum lain sebagai salah satu langkah memupuk perpaduan, hanya 2 orang mahasiswa (0.61%) tidak setuju, 8 orang (2.45%) kurang setuju manakala 129 orang mahasiswa (39.57%) setuju dan 187 orang mahasiswa (57.36%) sangat setuju.

Konstruk seterusnya adalah ‘Pelaksanaan tulisan Jawi dan Khat di sekolah,’ (item 9 hingga 15). Untuk item ‘Tulisan Jawi dan Khat sesuai diperkenalkan di sekolah’, 8 orang mahasiswa (2.45%) sangat tidak setuju, 12 orang (3.68%) tidak setuju, 37 orang (11.35%) kurang setuju, 159 orang (48.77%) setuju dan seramai 110 orang (33.74%) sangat setuju. Untuk item ‘Tulisan Jawi dan Khat perlu dipelajari oleh semua murid’, 31 orang mahasiswa (9.51%) sangat tidak setuju dengan pernyataan ini. Seramai 32 orang (9.82%) tidak setuju, 100 orang (30.67%) kurang setuju, 96 orang (29.45%) setuju dan 67 orang (20.55%) sangat setuju. Untuk item ‘Tulisan Jawi dan Khat perlu dimasukkan dalam kandungan mata pelajaran Bahasa Melayu’, seramai 26 orang mahasiswa (7.98%) sangat tidak setuju, 42 orang (12.88%) tidak setuju, 127 orang (38.96%) kurang setuju, 90 orang (27.61%) setuju dan 41 orang mahasiswa (12.58%) sangat setuju. Bagi item ‘Tulisan Jawi dan Khat perlu dimasukkan dalam kandungan mata pelajaran Pendidikan Seni Visual’, 18 orang mahasiswa (5.52%) sangat tidak setuju, 15 orang (4.60%) tidak setuju, 67 orang (20.55%) kurang setuju, 157 orang (48.16%) setuju dan 69 orang (21.17%) sangat tidak setuju.

Untuk item ‘Pengenalan tulisan Jawi dan Khat menambah beban murid’, 48 orang mahasiswa (14.72%) sangat tidak setuju dengan pernyataan ini. Seramai 54 orang mahasiswa (16.56%) tidak setuju, 121 orang (37.12%) kurang setuju, 77 orang (23.62%) setuju dan 26 orang (7.98%) sangat setuju. Untuk item ‘Tulisan Jawi dan Khat mempelbagaikan penghasilan karya kreatif secara bertulis di kalangan murid’, 6 orang mahasiswa (1.84%) sangat tidak setuju dengan pernyataan ini. 8 orang pelajar (2.45%) tidak setuju, 35 orang (10.74%) kurang setuju, 192 orang (58.90%) setuju dan seramai 85 orang (26.07%) sangat setuju. Untuk item ‘Tulisan Jawi dan Khat mempelbagaikan kemahiran murid’, seramai 3 orang mahasiswa (0.92%) sangat tidak setuju, 12 orang (3.68%) tidak setuju, 43 orang (13.19%) kurang setuju, 176 orang (53.99%) setuju dan 92 orang (28.22%) sangat setuju. Manakala bagi satu-satunya item dalam konstruk ‘Nilai komersial tulisan Khat dan Jawi’ iaitu ‘Penguasaan tulisan Jawi dan Khat boleh menjana sumber pendapatan’, seramai 9 orang mahasiswa (2.76%) sangat

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions
tidak setuju, 13 orang mahasiswa (3.99%) tidak setuju, 76 orang (23.31%) kurang setuju, 155 orang (47.55%) setuju dan seramai 73 orang mahasiswa (22.39%) sangat setuju.

Bagi konstruk terakhir iaitu ‘Isu-isu berbangkit berkaitan tulisan Jawi dan Khat’, item ‘Mempelajari tulisan Jawi dan Khat bererti menukar identiti kepada bangsa Melayu’, pernyataan ini sangat tidak dipersetujui oleh seramai 144 orang mahasiswa (44.17%). 72 orang mahasiswa (22.09%) tidak setuju, 75 orang (23.01%) kurang setuju, 26 orang (7.98%) setuju dan 9 orang mahasiswa (2.76%) sangat setuju. Untuk item ‘Mempelajari tulisan Jawi dan Khat bererti menukar pegangan kepada agama Islam’, seramai 184 orang mahasiswa (56.44%) sangat tidak setuju, 69 orang (21.17%) tidak setuju, 44 orang (13.50%) kurang setuju, 22 orang setuju (6.75%) dan 7 orang (2.15%) sangat setuju. Untuk item ‘Mempelajari tulisan Jawi dan Khat akan menggugat keharmonian antara kaum di negara ini’, seramai 152 orang mahasiswa (46.63%) sangat tidak setuju, 83 orang (25.46%) tidak setuju, 54 orang (16.56%) kurang setuju, 30 orang (9.20%) setuju dan 7 orang (2.15%) sangat setuju.

Untuk item ‘Penentangan terhadap pelaksanaan tulisan Jawi dan Khat mencabar ketuanan Melayu di Malaysia’, seramai 38 orang pelajar (11.66%) sangat tidak setuju, 64 orang mahasiswa (19.63%) setuju, 118 orang (36.20%) kurang setuju, 85 orang mahasiswa (26.07%) setuju dan 21 orang pelajar (6.44%) sangat setuju. Manakala untuk item terakhir iaitu ‘Penentangan terhadap pelaksanaan tulisan Jawi dan Khat dipengaruhi oleh sentimen perkauman’, 23 orang mahasiswa (7.06%) sangat tidak setuju dengan pernyataan ini. 25 orang (7.67%) tidak setuju, 78 orang (23.93%) kurang setuju, 141 orang (43.25%) setuju dan 59 orang (18.10%) sangat setuju. Apabila disusun mengikut aras persetujuan tertinggi oleh responden, item-item mengikut keutamaan yang dipecahkan daripada konstruk adalah seperti yang ditunjukkan pada Jadual 2.

Jadual 2: Aras Persetujuan Item

| Bil | Item | Peratus |
|-----|--|---------------|
| 1 | Tulisan Jawi dan Khat memiliki keunikan tersendiri. | 96.93% (316) |
| 2 | Masyarakat Malaysia harus terbuka untuk menerima seni budaya kaum lain sebagai salah satu langkah memupuk perpaduan. | 96.93% (316) |
| 3 | Tulisan Jawi dan Khat adalah salah satu cabang seni. | 93.26 % (304) |
| 4 | Sejarah pertapakan agama Islam di Tanah Melayu terbukti dengan penemuan tulisan Jawi dan Khat pada artifak serta manuskrip lama. | 91.71% (299) |
| 5 | Tulisan Jawi dan Khat mempelbagaikan penghasilan karya kreatif secara bertulis di kalangan murid. | 84.97% (277) |
| 6 | Tulisan Jawi dan Khat sinonim dengan agama Islam. | 82.52% (269) |
| 7 | Tulisan Jawi dan Khat sesuai diperkenalkan di sekolah. | 82.51% (269) |
| 8 | Tulisan Jawi dan Khat mempelbagaikan kemahiran murid. | 82.21% (268) |

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions

- | | | |
|----|---|--------------|
| 9 | Tulisan Jawi dan Khat sinonim dengan bangsa Melayu. | 73.01% (238) |
| 10 | Tulisan Jawi dan Khat merupakan seni warisan bangsa dan identiti Malaysia, bukannya bangsa Melayu sahaja. | 70.25% (229) |
| 11 | Penguasaan tulisan Jawi dan Khat boleh menjana sumber pendapatan. | 69.94% (228) |
| 12 | Tulisan Jawi dan Khat perlu dimasukkan dalam kandungan mata pelajaran Pendidikan Seni Visual. | 69.33% (226) |
| 13 | Penentangan terhadap pelaksanaan tulisan Jawi dan Khat dipengaruhi oleh sentimen perkauman. | 61.35% (200) |
| 14 | Tulisan Jawi dan Khat perlu dipelajari oleh semua murid. | 50% (163) |
| 15 | Tulisan Jawi dan Khat boleh dipelajari secara sendiri. | 44.17% (144) |
| 16 | Tulisan Jawi dan Khat perlu dimasukkan dalam kandungan mata pelajaran Bahasa Melayu. | 40.19% (131) |
| 17 | Penentangan terhadap pelaksanaan tulisan Jawi dan Khat mencabar ketuanan Melayu di Malaysia. | 32.51% (106) |
| 18 | Pengenalan tulisan Jawi dan Khat menambah beban murid. | 31.6% (103) |
| 19 | Mempelajari tulisan Jawi dan Khat akan menggugat keharmonian antara kaum di negara ini. | 11.35% (37%) |
| 20 | Mempelajari tulisan Jawi dan Khat bererti menukar identiti kepada bangsa Melayu. | 10.74% (35) |
| 21 | Mempelajari tulisan Jawi dan Khat bererti menukar pegangan kepada agama Islam. | 8.9% (29) |

Berpandukan Jadual 2, perbincangan setiap item yang diutarakan dalam soal selidik mengikut aras persetujuan mempunyai hubungan dan berkaitrapat antara satu item dengan item yang lain. Dapatkan kajian menjelaskan bahawa oleh kerana hanya 44.17% mahasiswa bersetuju tulisan Jawi dan Khat boleh dipelajari secara sendiri dan 50% menyatakan tulisan Jawi dan Khat perlu dipelajari oleh semua murid, maka tidak menjadi kesalahan untuk ia diperkenalkan di sekolah kerana seramai 69.33% mahasiswa bersetuju agar tulisan Jawi dan Khat dimasukkan dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual manakala 40.19% mahasiswa setuju agar ia dimasukkan dalam kandungan mata pelajaran Bahasa Melayu. Ini menunjukkan golongan mahasiswa tetap meyakini kepentingan pengenalan tulisan Jawi dan Khat dalam sistem pendidikan kebangsaan atas faktor ia sesuai diperkenalkan di sekolah (82.51%) kerana memiliki keunikan tersendiri (96.93%) sebagai salah satu cabang seni (93.26%), mampu mempelbagaikan penghasilan karya kreatif secara bertulis di kalangan murid (84.97%), ia adalah warisan bangsa dan identiti Malaysia (70.25%) di samping boleh menjana sumber pendapatan (69.94%).

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions
Walaupun 82.52% mahasiswa bersetuju bahawa tulisan Jawi dan Khat sinonim dengan agama Islam serta sinonim dengan bangsa Melayu (73.01%) kerana sejarah pertapakan agama Islam di Tanah Melayu sendiri terbukti dengan penemuan tulisan Jawi dan Khat pada artifak serta manuskrip lama (91.71%), namun jelas hanya sebilangan kecil mahasiswa (10.74%) bersetuju bahawa mempelajari tulisan Jawi dan Khat bererti menukar identiti kepada bangsa Melayu serta menukar pegangan kepada agama Islam (8.9%). Seramai 68.4% mahasiswa juga tidak bersetuju jika pengenalan tulisan Jawi dan Khat disifatkan akan menambah beban murid serta menggugat keharmonian negara (88.65%). Selain itu, walaupun seramai 32.51% mahasiswa bersetuju bahawa penentangan terhadap pelaksanaan tulisan Jawi dan Khat mencabar ketuanan Melayu di Malaysia, namun 96.93% mahasiswa juga menyetujui bahawa masyarakat Malaysia harus terbuka untuk menerima seni budaya kaum lain sebagai salah satu langkah untuk memupuk perpaduan. Persepsi golongan muda yang positif sebegini terhadap tulisan Jawi sesungguhnya haruslah dikekalkan (Noor Azam, Noraziah & Wan Noorli, 2017). Apa yang jelas, daptan menunjukkan bahawa dari sudut pandangan golongan mahasiswa, tidak terdapat alasan penentangan yang signifikan oleh Dong Zong dengan aspek-aspek yang berlegar sekitar tulisan Jawi dan Khat.

Mengulas tuntutan Dong Zong bahawa hanya seni Khat yang boleh dimasukkan dalam kandungan mata pelajaran Bahasa Melayu di SJK dan bukannya tulisan Jawi, ia adalah suatu tuntutan yang dangkal kerana tidak ada relevannya untuk memisahkan tulisan Jawi dan Khat. Hal ini kerana seni Khat dikenali sebagai salah satu ciri penulisan atau kesenian di dalam penulisan Jawi (Ilham, 2015). Seni Khat ditulis berdasarkan huruf-huruf Jawi dan seni Khat tidak akan dapat berdiri sendiri tanpa huruf Jawi. Nilai komersial seni Khat juga berkait rapat dengan penguasaan tulisan Jawi dalam usaha memelihara warisan tulisan Jawi tersebut (Abdul Halim, Abd Rahman, Abd Basit & Aminudin, 2017). Kenyataan yang mendakwa bahawa pengenalan tulisan Jawi dalam bahasa Melayu akan menambah beban murid di SJK juga tidak berasas kerana kajian Alhaadi dan Norimah (2019) membuktikan bahawa dalam usaha menguasai Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua, faktor ekstrinsik seperti rakan sebaya dan pengajaran guru lebih mempengaruhi motivasi dan minat murid. Maknanya, jika pengajaran guru dalam memperkenalkan tulisan Jawi kelak dilaksanakan secara efektif, tidak mustahil ia akan mampu memupuk minat murid di SJK terhadap tulisan Jawi.

Dakwaan Pertubuhan Gabungan Persatuan Guru Sekolah Cina Malaysia (Jiao Zong) yang bersekutu dengan Dong Zong dalam isu ini bahawa pengenalan tulisan Khat bagi murid di dua aliran sekolah terbabit iaitu SJK Cina dan SJK Tamil tidak menepati keperluan sebenar pembelajaran Bahasa Melayu (Mohd Anwar, 2019) juga kurang berasas. Hal ini kerana antara objektif kurikulum mata pelajaran Bahasa Melayu dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) adalah membolehkan murid mengenali tulisan Jawi pada objek persekitaran yang terdapat dalam kehidupan harian sebagaimana terkandung dalam objektif kurikulum Bahasa Melayu Tahun 4 (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2019:3). Meneliti DSKP, DSKP Bahasa Melayu Tahun 4 meliputi Kemahiran Bahasa. Kemahiran bahasa merupakan teras kepada Standard Kurikulum Bahasa Melayu itu sendiri. Dalam mencapai kemahiran bahasa dalam standard ini, kemahiran-kemahiran tersebut telah diorganisasikan kepada Kemahiran Mendengar dan Bertutur, Kemahiran Membaca, Kemahiran Menulis, aspek Tatabahasa dan aspek Seni Bahasa. Aspek Seni Bahasa merujuk keindahan, kehalusan dan kebahasaan dalam bahasa Melayu yang perlu difahami dan dikuasai oleh murid. Penguasaan aspek Seni Bahasa merangkumi kecekapan memahami,

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions mengungkap dan menghayati bahasa yang indah. Melalui pembelajaran aspek ini, murid menghasilkan dan mempersesembahkan karya kreatif pelbagai genre secara lisan dan bertulis melalui variasi teknik yang menarik. Aspek Seni Bahasa juga menzahirkan pembelajaran yang menyeronokkan secara didik hibur (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2018a:23-24).

Cakupan tema dalam pelaksanaan pembelajaran Bahasa Melayu Tahun 4 pula merangkumi beberapa tema seperti Perpaduan serta tema Kebudayaan, Kesenian dan Estetika. Tema Perpaduan meliputi elemen silang budaya iaitu memahami perbezaan cara hidup, saling menghormati kepercayaan agama dan adat resam, saling mempercayai serta menghargai persamaan dan menerima perbezaan antara kaum. Tema ini diajarkan kepada murid demi mewujudkan hubungan erat dan keharmonian dalam masyarakat yang berbilang kaum untuk membentuk perpaduan dan kesejahteraan negara. Manakala tema Kebudayaan, Kesenian dan Estetika merangkumi elemen silang budaya yang terdapat dalam masyarakat pelbagai kaum meliputi adat dan budaya. Tema ini diajar kepada murid agar kehalusan seni budaya dapat dihayati oleh murid sebagai asas pembentukan jati diri warga Malaysia (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2018a:12). Simboliknya, memperkenalkan tulisan Jawi dan Khat akan melengkapkan kemahiran aspek Seni Bahasa serta cakupan tema yang dinyatakan dalam DSKP ke arah mencapai perpaduan dan keharmonian kaum menerusi sikap saling menghargai dan sentiasa menghormati antara satu sama lain.

Kesimpulan

Pengenalan tulisan Jawi dan Khat di SJK tidak seharusnya dilihat sebagai suatu gerakan Islamisasi kerana ia adalah salah satu dari unsur budaya masyarakat Malaysia sama seperti seni kaligrafi kaum-kaum lain. Sebaliknya usaha untuk memartabatkan kembali tulisan ini perlu dilihat dari aspek positif kerana ia adalah suatu nilai tambah kepada generasi muda masa kini. Tidak keterlaluan dikatakan bahawa usaha menentang pelaksanaannya mencerminkan pemikiran tidak matang segelintir golongan yang tidak mempunyai jati diri sebagai rakyat Malaysia. Justeru apa yang penting selain dari diperkenalkan di sekolah, tulisan Jawi dan Khat juga perlu dipelihara sampai bila-bila dalam apa jua cara untuk mengelakkan ia dari berkubur ditelan arus kemajuan.

Penghargaan

Manuskrip ini dihasilkan berdasarkan dana Geran Penyelidikan Penerbitan sumbangan Global Academic Excellence (GAE) (Kod Geran: TLS2102).

Bibliografi

- Abdullah Ibrahim & Wan Khairul Aiman Wan Mokhtar (2018). The Influence of Leadership by Public University Students to the Development of Citizenship in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8 (11): 338-347.
- Abdul Halim Hasan, Abd Rahman Hamzah, Abd Basit Abdul Samad & Aminudin Hehsan. (2017). Usahawan Seni Khat Suatu Prospek Kerjaya dan Keperluan Bagi Masyarakat Islam di Malaysia. *Human Sustainability Procedia*, 1-13.
- Alhaadi Ismail & Norimah Zakaria. (2019). Faktor yang Mempengaruhi Motivasi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid di SJKC Chung Hwa Teluk Kemang. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 7(3), 2019: 23-30.

- Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions Amat Johari Moain. (1991). Sejarah Tulisan Jawi. *Jurnal Dewan Bahasa*, 35 (11): 1003.
- Ang, M.C. (2014). *Institutions and Social Mobilization the Chinese Education Movement in Malaysia 1951-2011*. Singapore: ISEAS Publishing.
- Aziah Ismail. (2000). *Penguasaan Tulisan Jawi di Kalangan Pelajar UPM*. Tesis Sarjana (tidak diterbitkan). Universiti Putra Malaysia.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2018a). *DSKP KSSR (Semakan 2017) Bahasa Melayu (SJK) Tahun 4*. Diakses pada 03 Mei 2021 daripada <http://bpk.moe.gov.my/index.php/terbitan-bpk/kurikulum-sekolah-rendah/category/335-dskp-tahun-4>.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2018b). *DSKP KSSR (Semakan 2017) Bahasa Melayu (SJK) Tahun 5*. Diakses pada 03 Mei 2021 daripada <http://bpk.moe.gov.my/index.php/terbitan-bpk/kurikulum-sekolah-rendah/category/392-dskp-tahun-5>.
- Chew, F. P. (2013). Ulasan buku gerakan pendidikan Cina di Malaysia: Satu kajian tentang perjuangan Dong Jiao Zong (1970-2002). *Journal of Chinese Literature and Culture*, 1 (2): 227-230.
- Dong Zong United Chinese School Committees' Association of Malaysia. (2021a). *Mengenai Dong Zong*. Diakses pada 03 Mei 2021 daripada <https://www.dongzong.my/v3/ms/info/mengenai-dong-zong>
- Dong Zong United Chinese School Committees' Association of Malaysia. (2021b). *Kenyataan media*. Diakses pada 03 Mei 2021 daripada <https://www.dongzong.my/v3/ms/berita-terkini-2/kenyataan-media/620-2019-620>
- Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid & Faizuri Abdul Latif (2014). Sejarah Perkembangan Tulisan Jawi: Analisis Mengenai Teori Kang Kyung Seok. *Jurnal al-Tamaddun*, 9 (2): 1-15. Diakses pada 23 Mac 2021 daripada <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JAT/article/view/8673>
- Faridah Che Husain, Khairul Hamimah Mohd Jodi., Zawiah Mat, & Fakhrul Adabi Abdul Kadir. (2018). Elemen Pembentukan Akhlak dan Moral: Penelitian Terhadap Modul Pengajian Kursus Titas di Universiti Malaya. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah, (Special Issue)*: 433-448.
- Idris Musa. (2019). Mereka bukan lagi cauvinis. *Harian Metro*, 16 Disember. Diakses pada 10 Mei 2021 daripada <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/12/526847/mereka-bukan-lagi-cauvanis-tetapi-antinasional>
- Ilham Che Daud. (2015). *Penggunaan Seni Khat Dalam Tulisan Jawi: Satu Tinjauan Di Negeri Kelantan*. Tesis Sarjana (tidak diterbitkan). Universiti Malaysia Kelantan.
- Janatul Firdaus Yaacob. (2019). Tulisan Jawi: Dong Zong masih tak puas hati. *Sinar Harian Online*, 20 Ogos. Diakses pada 04 April 2021 daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/43920/BERITA/Nasional/Tulisan-jawi-Dong-Zong-masih-tak-puas-hati>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Keputusan mesyuarat Jemaah Menteri mengenai isu pengenalan tulisan jawi*. Diakses pada 05 April 2021 daripada <https://www.moe.gov.my/pemberitahuan/kenyataan-media/keputusan-mesyuarat-jemaah-menteri-mengenai-isu-pengenalan-tulisan-jawi>.
- Luqman Arif Abdul Karim. (2019). Tindakan label Dong Zong rasis adalah salah - Kit Siang. *Berita Harian Online*, 13 Ogos. Diakses pada 30 Mac 2021 daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/08/595812/tindakan-label-dong>

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions
zong-rasis-adalah-salah-kit-siang

- M Hifzuddin Ikhsan & Hamzah. (2019). Dong Zong rasis kerana terus bantah pembelajaran Jawi. *Berita Harian Online*, 12 Ogos. Diakses pada 30 Mac 2021 daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/08/595502/dong-zong-rasis-kerana-terus-bantah-pembelajaran-jawi>
- Mohd. Alwee Yusoff. (2005). Perkembangan tulisan Jawi dan aplikasinya dalam masyarakat Islam di Malaysia. *Jurnal Usuluddin*, 21: 23-38.
- Mohd Anwar Patho Rohman. (2019). 12 pertubuhan tak setuju tulisan khat untuk murid SJKC, SJKT. *Berita Harian Online*, 5 Ogos. Diakses pada 21 Mac 2021 daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/08/592977/12-pertubuhan-tak-setuju-tulisan-khat-untuk-murid-sjkc-sjkt>.
- Noor Atiqah Sulaiman. (2019). 12 NGO termasuk Dong Zong sokong perkenal tulisan khat Jawi. *Berita Harian Online*, 6 Ogos. Diakses pada 21 Mac 2021 daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/08/593438/12-ngo-termasuk-dong-zong-sokong-perkenal-tulisan-khat-jawi>
- Noor Azam Abdul Rahman, Noraziah Mohd Amin, & Wan Noorli Razali. (2017). Persepsi Pelajar Melayu UNITEN berkaitan Kemahiran Menggunakan Tulisan Jawi sebagai lambang Identiti Bangsa Melayu dan Tulisan Jawi sebagai lambang Identiti Bangsa Melayu Beragama Islam. *Jurnal Sains Insani*, 2(1), 42-47.
- Noraziah Mohd Amin & Noor Azam Abdul Rahman. (2019). Persepsi Pelajar Melayu UNITEN terhadap Pembelajaran Tulisan Jawi di Pelbagai Peringkat Pendidikan di Malaysia: Sejauh Mana Usaha-usaha Meluaskan Pembelajaran Jawi Dapat Dilaksanakan? *Jurnal Sains Insani*, 4(1): 7-14.
- Norhafizah Alias. (2016). *Perbandingan Sistem Ejaan Jawi dalam Surat Sultan Zainal Abidin III dengan Sistem Ejaan Jawi Wilkinson, Za'ba dan Baharu*. Tesis Sarjana (tidak diterbitkan). Universiti Putra Malaysia.
- Nur Azuki Yusuff & Nik Yusri Musa. (2012) Penerimaan Dan Halatuju Tulisan Jawi; Suatu Tinjauan dari Pandangan Remaja Kini. Dlm: *Seminar Jawi Serantau 2012, anjuran Pusat Kajian Manuskrip Alam Melayu (PUSKAM)*, 19-20 Jun 2012, Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, UiTM, Shah Alam Selangor. (Tidak diterbitkan).
- Siti Badriyah Mohamad Yusof & Exzayrani Sulaiman. (2015). Sikap Generasi Muda Terhadap Tulisan Jawi: Kajian Kes Pelajar Universiti Brunei Darussalam. Southeast Asia: *A Multidisciplinary Journal*, 15: 8-16.
- Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1992. *Pelaksanaan Pedoman Ejaan Jawi Yang Disempurnakan Oleh Dewan Bahasa Dan Pustaka (PEJYD)*. Diakses pada 19 April 2021 daripada https://www.moe.gov.my/en/muat-turun/pekeliling-dan-garis-panduan/ikhtisas/1992/2095-surat-pekeliling-ikhtisas-bilangan-1-tahun-1992-pelaksanaan-pedoman-ejaan-jawi-yang-disempurnakan-oleh-dewan-bahasa-dan-pustaka-pejyd/file_
- Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/1994. *Peruntukan Masa KBSR bagi Seminggu Dan Jadual Pelaksanaan Mata-Mata Pelajaran KBSR*. Diakses pada 19 April 2021 daripada <https://www.moe.gov.my/pekeliling/2085-surat-pekeliling-ikhtisas-bilangan-7-tahun-1994-peruntukan-masa-kbsr-bagi-seminggu-danjadual-pelaksanaan-mata-mata-pelajaran-kbsr/file>
- Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/2002. Penawaran Mata Pelajaran Bahasa Tambahan di Sekolah Kebangsaan (SK). Diakses pada 19 April 2021 daripada <https://www.moe.gov.my/pekeliling/ikhtisas/2002/1980-surat-pekeliling-ikhtisas>

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions
bilangan-8-tahun-2002-penawaran-mata-pelajaran-bahasa-tambahan-di-sekolah-kebangsaan-sk/file.

- Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 13/2004. *Pelaksanaan Program j-Qaf di Sekolah Rendah*. Diakses pada 19 April 2021 daripada <https://www.moe.gov.my/en/muat-turun/pekeliling-dan-garis-panduan/ikhtisas/2004/1896-surat-pekeliling-ikhtisas-kpm-tahun-2004-bil-13/file>.
- Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9/2006. *Pelaksanaan Mata Pelajaran Bahasa Cina dan Bahasa Tamil sebagai Bahasa Tambahan di Sekolah Kebangsaan*. Diakses pada 19 April 2021 daripada <https://www.moe.gov.my/en/muat-turun/pekeliling-dan-garis-panduan/ikhtisas/2006/1901-surat-pekeliling-ikhtisas-kpm-tahun-2006-bil-9/file>
- Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bil. 16/2019. Pelaksanaan Pengenalan Tulisan Jawi dalam Kurikulum Mata Pelajaran Bahasa Melayu untuk Murid Tahun 4 Sekolah Jenis Kebangsaan Mulai Tahun 2020. Diakses pada 19 April 2021 daripada <http://bpk.moe.gov.my/index.php/pekeliling-dan-surat-siaran>
- Syamsul Azizul Marinsah, Suraya Sintang, Habibah @ Artini Ramlie & Mohd Nur Hidayat Hasbolah Hajimin. (2019). *Pengajaran kursus TITAS dan kepentingannya dalam pembentukan keharmonian beragama*: Penelitian terhadap Modul Kursus TITAS di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa. Dlm. Rosmah Derak, Andreas Totu, Jualang Azlan Gnasau, Mohd. Sohaimi Esa & Siti Aidah Lokin (Pnyt). (2019). 25 Tahun PPIB Perkembangan, Cabaran dan Pencapaian. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Tan, Y. S. (2014). *Pendidikan Cina di Malaysia Sejarah, Politik dan Gerakan Perjuangan*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia (Universiti Sains Malaysia Press).
- Undang-Undang Malaysia Cetakan Semula. (2006). *Akta 32 Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67*. Kuala Lumpur: Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang, Malaysia & Malayan Law Journal Sdn Bhd. Dalam talian. Portal Rasmi Jabatan Peguam Negara. Diakses pada 06 Mei 2021 daripada <http://www.agc.gov.my/agcportal/uploads/files/Publications/LOM/MY/Akta%2032.pdf>